

**TEKS UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

PERHIMPUNAN BULANAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

**09 Februari 2015, 08.30 pagi
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

SALUTASI

Terima kasih saudara/ri Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

Y.A.B. Datuk Seri Ir. Hj. Idris Bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Y.B. Datuk Wira Hj. Othman Bin Muhamad
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka

Y.B. Datuk Wira Hj. Naim Bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Y.B. Datuk Wira Hj. Md Yunos Bin Husin
Exco Pelajaran , Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau
Dan Inovasi

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee Bin Laidin
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Exco-Exco Kerajaan Negeri Melaka

Timbalan-Timbalan Exco Kerajaan Negeri Melaka

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka

Ahli-Ahli Dewan Negara Negeri Melaka

Ahli-Ahli Dewan Rakyat Negeri Melaka

Ketua-Ketua Jabatan Dan Persekutuan Negeri Melaka

Tan Sri -Tan Sri Dan Datuk –Datuk

Tuan-Tuan Dan Hadirin-Hadirat Sekalian

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua dapat kita sama-sama berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Melaka pada pagi ini, dan mudah-mudahan Majlis ini mendapat keberkatan dan keredaanNya.

Pergi berhuma di Tanjung Rokan,
Sebelum pulang mengail ikan,
Kehadiran tuan-puan UTeM alu-alukan,
Kecil telapak tangan nyiru kami tadahkan

2. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti Teknikal Malaysia Melaka ingin merakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada UTeM untuk menjadi tuan rumah perhimpunan bulanan Kerajaan Negeri Melaka pada kali ini.

3. Saya turut ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada semua kakitangan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Melaka yang berjaya menghadirkan diri dalam perhimpunan pada pagi berbahagia ini.
4. Sesungguhnya peluang untuk berhimpun bersama-sama lebih daripada 2,000 kakitangan awam jabatan Kerajaan Negeri Melaka ini amat berharga kepada UTeM untuk mengeratkan lagi ukhuwah dan silaturahim dengan pihak Kerajaan Negeri Melaka. di samping dapat memperkenalkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada masyarakat luar.

Yang Berhormat Datuk Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan nama Kolej Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KUTKM). Pada 1 Februari 2007, dengan berlakunya penjenamaan semula semua kolej universiti teknikal maka KUTKM telah bertukar kepada UTeM.
6. UTeM adalah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke 14 di Malaysia dan merupakan Universiti Teknikal Pertama di Malaysia, sekali gus menjadi perintis kepada program pengajian teknikal berasaskan aplikasi dan amalan. Sejak dari awal penubuhannya sehingga kini UTeM telah

mengalami pelbagai transformasi dari segi akademik, sumber manusia dan pembangunan kampus.

7. Bermula dari pengambilan pertama seramai 348 pada Jun 2001, kini UTeM mempunyai pelajar melebihi 11,000. UTeM menjangkakan akan mempunyai pelajar seramai 15,000 pelajar menjelang tahun 2020, yang mana 70% daripada jumlah ini adalah dari bidang teknologi dan selebihnya adalah bidang kejuruteraan. Hasrat untuk melahirkan lebih ramai teknologis berbanding jurutera ini adalah selari dengan aspirasi negara dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi untuk menampung keperluan negara dan mencapai status negara maju menjelang 2020.

8. Bermula dari Majlis Konvokesyen Pertama UTeM pada tahun 2005, UTeM telah melahirkan seramai 15,130 graduan di dalam pelbagai peringkat pengajian. Apa yang membanggakan, kadar kebolehpasaran hasil kajian pengesanan graduan tahun 2013, menunjukkan 84% graduan UTeM telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi. Berdasarkan maklum balas daripada graduan yang bergraduasi pada Konvokesyen tahun lepas pula, peratusan graduan yang telah mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian sebelum Konvokesyen ialah 70% berbanding hanya 59.03% pada tahun 2013. Ini membuktikan bahawa, graduan UTeM sentiasa menjadi pilihan utama pihak industri kerana tahap kemahiran dan kebolehan tinggi yang dimiliki oleh pelajar dan graduan UTeM sentiasa menepati kehendak industri.

9. Dalam usaha untuk terus merintis dan menerajui bidang teknikal dan teknologi, UTeM amat menitikberatkan kualiti dan kecemerlangan program-program akademik yang dijalankan. Program akademik di UTeM digubal dan dirancang bersama pihak industri yang berprestasi tinggi dalam bidang elektrik, elektronik, teknologi maklumat, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

10. Alhamdulillah, UTeM kini telah mempunyai 77 program akademik yang terdiri daripada 12 program Kedoktoran, 35 program Sarjana, 25 program Ijazah Sarjana Muda dan 5 program Diploma. Program akademik yang ditawarkan oleh UTeM adalah berbeza dan mempunyai keunikan tersendiri berbanding universiti lain, terutama pada pengajian di peringkat Kedoktoran. UTeM menawarkan 4 program Doktor Kejuruteraan yang keunikannya terletak pada cara pembelajaran dan penyelidikannya yang

tertumpu pada aspek-aspek penyelesaian masalah industri secara berinovasi disamping penawaran satu program Doktor Teknologi Maklumat.

11. Bidang penyelidikan UTeM pula, pada masa kini telah berada di tahap yang kukuh. Saban tahun, nama UTeM mekar di persada penyelidikan peringkat kebangsaan malah antarabangsa menerusi catatan kemenangan di dalam pertandingan produk penyelidikan seperti Malaysia Technology Expo (MTE), Innovation and Technology Exhibition (ITEX), Seoul International Invention Fair (SIIF) dan lain-lain lagi. Pengkomersilan produk penyelidikan UTeM turut mara ke hadapan menerusi pengkomersilan tiga (3) produk penyelidikan dala tahun 2014 iaitu My Second Eye, Automatic Tyre Pressure Controller dan Electro Mechanical Locing System.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

12. Dari aspek pembangunan infrastruktur pula, kini UTeM mempunyai 7 buah Fakulti, Pusat-Pusat Akademik, Pejabat Pentadbiran dan dilengkapi dengan kemudahan prasarana seperti Masjid, Pusat Persatuan Pelajar, Kompleks Sukan, Dewan Besar, Dewan Konvensyen, Perpustakaan dan lain-lain lagi, yang beroperasi di tiga Kampus iaitu Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Teknologi Air Keroh dan Kampus Bandar Jalan Hang Tuah.
13. Setelah 15 tahun penubuhan UTeM, pencapaian dan kejayaan terus dicatatkan oleh Universiti pada setiap tahun. Alhamdulillah, semasa Majlis Perutusan Menteri Pengajian Tinggi pada 9 Januari yang lalu, UTeM telah menerima status autonomi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia

sekali gus menjadi Universiti Teknikal pertama yang mendapat gelaran tersebut. Pemberian status autonomi dalam empat bidang iaitu Governan Institusi, Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan, Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar merupakan cabaran baru yang harus didukung oleh UTeM. Namun, kami percaya pemberian gelaran ini akan membuka lebih peluang kepada UTeM untuk terus berdaya saing dan berinovasi tinggi dalam segala aspek bagi mencapai visi sebagai universiti teknikal yang kreatif dan inovasi terkemuka di dunia.

Hang Tuah Hang Kasturi,
Dua saudara semangat tinggi;
Selesai sudah aluan diberi,
Di lain masa bersua lagi.

Banyak keluk ke penarik,
Keluk tumbuh pohon kuini;
Nan elok bawalah balik,
Nan tak elok tinggallah di sini.

Sekian Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum wbt.